



## SIARAN MEDIA

### INDUSTRI PEMBERI PINJAM WANG DAN PEMEGANG PAJAK GADAI BERNILAI RM25 BILION, DIJENAMAKAN SEMULA KE ARAH PROFESIONAL

---

**KUALA LUMPUR, 15 November 2024** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan **Majlis Anugerah Kredit Madani (AKM) Tahun 2024** yang berlangsung di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur anjuran **persatuan-persatuan Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG)** pada malam ini.

AKM Tahun 2024 ini merupakan **hasil cetusan idea YB KM** dan **julung kali diadakan** melalui **kolaborasi strategik** antara **persatuan-persatuan Pemberi Pinjam Wang (PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG)** dengan **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**. Anugerah ini merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada pemain industri kredit komuniti iaitu syarikat pemegang lesen PPW dan PPG atas komitmen mereka dalam aspek pematuhan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81], profesionalisme, inovasi berterusan, tatakelola perniagaan, penawaran perkhidmatan terbaik kepada pelanggan serta pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Bagi **tahun 2023**, anggaran **nilai pasaran industri PPW dan PPG** adalah **sebanyak RM24.8 bilion** yang merangkumi nilai pinjaman serta pemajakgadaian. Nilai tersebut dijangka akan terus meningkat dari tahun ke tahun.

YB KM berkata, “AKM Tahun 2024 adalah sebuah manifestasi iltizam Kerajaan bukan sahaja dalam mengiktiraf kepentingan industri PPW dan PPG, tetapi juga sebagai salah satu langkah **penjenamaan semula (*rebranding*) industri PPW dan PPG** yang **lebih profesional dan berdaya saing** dalam memberi sokongan kewangan bukan sahaja kepada individu malah bidang keusahawanan khususnya kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan korporat”.

Sejumlah **14 kategori anugerah** dipertandingkan merangkumi **dua (2) pengiktirafan tertinggi** iaitu **Anugerah Khas Menteri PPW Madani** dan **Anugerah Khas Menteri PPG Madani** serta **12 kategori lain** yang menunjukkan **kecemerlangan** dalam aspek pelaksanaan **inovasi, tanggungjawab sosial dan kemampanan serta daya saing**.

**Anugerah Khas Menteri PPW Madani** telah dirangkul oleh syarikat **Juara Partners Sdn Bhd** manakala **Anugerah Khas Menteri PPG Madani** telah dirangkul oleh syarikat **Choong Thye Pawnshop Sdn Bhd**. Kedua-dua pemenang tersebut berjaya membawa pulang **hadiah wang tunai sebanyak RM20 ribu** berserta **trofi dan sijil penghargaan**.

Penerima anugerah bagi kategori yang lain pula membawa pulang **hadiah wang tunai sebanyak RM10 ribu** berserta **trofi dan sijil penghargaan**. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

#### **Senarai pemenang bagi kategori PPW**

1. Anugerah Inovasi Terbaik (PPW Modal Berbayar **RM2 juta**)
  - **Kekal Impian Sdn Bhd**
2. Anugerah Inovasi Terbaik (PPW Modal Berbayar **Melebihi RM2 juta**)
  - **GHL Payments Sdn Bhd**
3. Anugerah CSR Terbaik (PPW Modal Berbayar **RM2 juta**)
  - **Stratford Credit Sdn Bhd**
4. Anugerah CSR Terbaik (PPW Modal Berbayar **Melebihi RM2 juta**)
  - **Juara Partners Sdn Bhd**
5. Anugerah Perniagaan Paling Bernilai (PPW Modal Berbayar **RM2 juta**)
  - **Semuamas Resources Sdn Bhd**
6. Anugerah Perniagaan Paling Bernilai (PPW Modal Berbayar **Melebihi RM2 juta**)
  - **OSK Capital Sdn Bhd**

#### **Senarai pemenang bagi kategori PPG**

1. Anugerah Inovasi Terbaik (PPG Modal Berbayar **RM4 juta**)
  - **Choong Thye Pawnshop Sdn Bhd**
2. Anugerah Inovasi Terbaik (PPG Modal Berbayar **Melebihi RM4 juta**)
  - **Pajak Gadai Ion Sdn Bhd**
3. Anugerah CSR Terbaik (PPG Modal Berbayar **RM4 juta**)
  - **Choong Thye Pawnshop Sdn Bhd**
4. Anugerah CSR Terbaik (PPG Modal Berbayar **Melebihi RM4 juta**)
  - **Pajak Gadai Moneymax (Sungai Way) Sdn Bhd**

5. Anugerah Perniagaan Paling Bernilai (PPG Modal Berbayar **RM4 juta**)
  - **Choong Yee Pawnshop Sdn Bhd**
6. Anugerah Perniagaan Paling Bernilai (PPG Modal Berbayar **Melebihi RM4 juta**)
  - **Pajak Gadai Ion Sdn Bhd**

YB KM turut berkata, “Pelaksanaan AKM Tahun 2024 ini sewajarnya dijadikan sebagai dorongan kepada syarikat PPW dan PPG untuk berusaha lebih gigih dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan. Persaingan sihat antara pemain industri ini juga diharap dapat menjadi pemangkin semangat dalam melaksanakan pelbagai inisiatif baharu yang bakal **melonjakkan standard industri**, bukan sahaja di Malaysia malahan di arena antarabangsa. Hal ini amat signifikan apatah lagi dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 yang pasti menjadikan negara ini sebagai tumpuan dan perhatian dunia”.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Ketua Setiausaha KPKT, Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad; Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT, YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan; Timbalan Ketua Setiausaha (Kemampuan dan Perancangan Strategik) KPKT, YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), ketua jabatan serta wakil-wakil persatuan PPW dan PPG.

**#MalaysiaMADANI**  
**#StrongerTogether**  
**#UnityInDiversity**  
**#DemiPertiwi**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

